

Forensik kaji punca banjir

■ UMT bekerjasama dengan MPN, UKM rungkai faktor penyebab bencana bah

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Universiti Malaysia Terengganu (UMT), mewujudkan pasukan forensik banjir bagi menjalankan kajian untuk mengenal pasti punca bencana itu berlaku serta impaknya kepada alam sekitar, ekonomi dan sosial. Naib Canselornya, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo berkata, UMT memperuntukkan RM50,000 bagi menajayakan kajian itu.

“UMT akan bekerjasama dengan Majlis Profesor Negara (MPN) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi memastikan kajian yang dijalankan selama tiga bulan ini memperoleh keputusan me-muaskan,” katanya selepas Majlis Apresiasi Media

(MAM) 2015 UMT di Taman Tamadun Islam, di sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMT Prof Datuk Dr Nor Aiceni Mokhtar dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMT Prof Dr Effendy Abd Wahid.

Ibrahim berkata, kajian itu akan merungkai faktor dan punca utama yang menyumbang kepada banjir di beberapa negeri pada Disember tahun lalu.

“Kami jangka keputusan daripada kajian yang dijalankan bermula 12 Januari lalu akan diperoleh pada akhir Mac ini.

“Berdasarkan kajian diperoleh, ia akan menjadi panduan untuk menyelesaikan masalah banjir dan persiapan bagi menghadapi bencana ini pada masa



DARI KIRI, Syahirah, Mohd Nasif, Noor Aznida dan Rozainah.

akan datang,” katanya. Menurut ahli akademik perlu mengkaji di lapangan dan menyumbang idea kepada masyarakat bagi menyelesaikan permasalahan dihadapi seperti banjir demi kepentingan bersama.

Pada majlis itu, tiga wartawan dan dua jurugambar Media Prima Berhad me-

rangkul hadiah utama Anugerah Gerbang Pena MAM iaitu Ketua Biro Harian Metro Terengganu Mohd Nasif Badruddin yang memenangi anugerah bagi kategori Penulisan Berita Bahasa Melayu Segmen Penyelidikan, wartawan sambilan Berita Harian Noor Aznida Alias (Penulisan Berita Bahasa Melayu Segmen Am) dan

wartawan New Straits Times Nadia Badarudin (Penulisan Berita Bahasa Lain). Dua jurugambar Berita Harian, Rozainah Zakaria memenangi anugerah bagi kategori Gambar Terbaik Segmen Penyelidikan dan jurugambar sambilan Berita Harian Syahirah Abdullah (Gambar Terbaik Segmen Am).

Kota Bharu

Mayat dalam bilik rumah inap desa

Seorang bekas pensyarah ditemui mati dalam bilik rumahnya yang dijadikan inap desa di Kampung Kota, di sini, kelmarin.

Mayat lelaki berusia 65 tahun itu ditemui adiknya yang berkunjung ke rumah berkenaan selepas dimaklumkan mengenai bau busuk di situ.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu Asisten Komisioner Rohaimi Md Isa berkata, adik lelaki mangsa berusia 40-an ke rumah itu dan menemui abangnya terbaring di atas katil dengan mayatnya sudah berbau.

“Kami percaya dia sudah meninggal dunia lebih 24 jam dan tidak disedari sesiapa kerana mangsa tinggal seorang diri di rumah itu.

“Mangsa juga seorang duda dan pemeriksaan lanjut di rumah itu tidak menemui sebarang unsur pecah rumah atau jenayah.

“Difahamkan mangsa mempunyai masalah jantung serius,” katanya, semalam.